

Bayaran tanah di Langkawi

PM kecewa ada pemilik tuntutan terlalu tinggi

11

ALUR SETAR 10 Okt. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad kecewa dengan sikap sesetengah pemilik tanah di Langkawi yang menuntut bayaran yang terlalu tinggi bagi tanah yang diambil oleh kerajaan untuk pembangunan.

Katanya, pemilik tanah yang mendapat ganjaran yang begitu besar tidak sama sekali mengambilkira bahawa kenaikan harga tanah itu adalah kerana kerajaan membuat pelaburan yang banyak di pulau itu bahkan kerajaan sanggup tidak mengutip cukai.

Sepatutnya, kata beliau, mereka tidak membuat desakan untuk bayaran yang bukan-bukan sehingga harga tanah di Langkawi lebih mahal daripada harga tanah di Pulau Pinang.

"Saya berperdapat: sepatutnya kita bersyukur dengan nikmat yang kita perolehi dan tidak buat tindakan yang keterlaluan," kata Dato' Sri Dr. Mahathir kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dari Langkawi hari ini.

Beliau mengulas perintah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Selasa lalu supaya Woodhouse Sdn. Bhd., dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) menghentikan sementara kegiatan membina hotel di dua lot tanah milik seorang penduduk Langkawi.

Perdana Menteri berkata, pembinaan hotel di atas lot tanah tersebut telah dihentikan tetapi pembinaan di atas sebahagian lagi tanah yang terlibat diteruskan.

Dalam perintah mahkamah itu, Pesuruhjaya Kehakiman, Dato' Abdul Hamid Mohamed juga memerintahkan Woodhouse Sdn. Bhd., dan LADA meroboh dan mengeluarkan bangunan-bangunan yang telah didirikan di atas kedua-dua lot itu.

Saman tersebut dikemukakan oleh Puan Saodah Md. Noh yang merupakan pemilik lot 212 dan 214, Mukim Padang Matsirat, Langkawi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan mematuhi perintah Mahkamah Tinggi itu. Bagaimanapun bangunan-bangunan yang telah didirikan atas tanah itu tidak akan dibubarkan dan kerajaan akan berusaha menyelesaikan perkara itu melalui mahkamah.

Menurutnya, kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengeneikan perintah mahkamah itu kerana sekatan yang dikenakan

Oleh
Azizan Haji Hashim

itu boleh menjejaskan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) November ini dan keagalannya akan memalukan negara.

"Kalau gagal, orang datang tak ada tempat tidur, tak ada tempat makan, dunia akan memandang hina kepada kita," katanya.

Perdana Menteri sebelum itu melawat dan meninjau persiapan LIMA ini.

Beliau puas hati kerana beberapa negara memberi sambutan baik terhadap LIMA, antaranya, Amerika Syarikat, Soviet Union, Perancis, Australia, Jepun dan Britain.

Katanya, dalam usaha untuk memenuhi keperluan LIMA, kerajaan terpaksa mengambil tanah untuk membangunkan hotel-hotel untuk para pelawat.

"Kerajaan Pusat membelanjakan hampir \$500 juta untuk Langkawi dan menjadikannya sebagai pusat pelancongan yang menarik serta membawa manfaat kepada pekerja, penduduk dan pemilik tanah di Langkawi," jelasnya.

Tetapi yang menyedihkan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, ada penduduk yang mendengar hasutan dari pihak-pihak tertentu sehingga mendakwa kerajaan di mahkamah dan cuba menggagalkan LIMA dengan menyekat pembinaan hotel-hotel dan sebagainya.

"Saya merasa amat sedih dengan sikap yang semacam ini. Kita hendak bawa pembangunan tetapi mereka seolah-olah ingin menekan pihak kerajaan yang cuba menolong mereka.

"Kalau kita biarkan Langkawi seperti dulu, penduduknya tentulah ketinggalan kerana tidak ada pembangunan tidak ada pendapatan.

"Ini satu orang dapat \$2 juta untuk diri sendiri. Apalagi dia hendak, kalau dulu tak bau langsung tetapi sekarang cakap juta-juta ringgit. Kalau tak bayar maka parang akan keluar," kata Perdana Menteri.